

Ahli Umno diminta tidak rebut jawatan

BH 3 NOV 2000

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan ahli Umno supaya jangan berebut jawatan kerana yang penting ialah terus berjuang bagi kepentingan rakyat dan mempertahankan kemerdekaan negara.

Presiden Umno itu berkata, mereka boleh berjuang walaupun tidak menjadi calon atau memegang jawatan tertentu dalam parti.

“Katanya, ahli Umno perlu berjuang dalam parti yang tidak semestinya jadi calon atau pemimpin. Sekarang ramai yang tahu, jadi calon pun boleh kalah kerana kadang-kala orang tidak sokong... kena tanya (diri sendiri) kenapa?”

“Ada pula yang berhem-pas pulas (berkempen) nak jadi wakil rakyat. Kadang-kala (bila sudah dipilih), ada yang tak hadir di Parlimen. Kita perlu tunjukkan prihatin kepada rakyat kerana Umno berjuang untuk rakyat,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam pertemuan selama kira-kira sejam dengan 80 ahli Kelab Maya Umno di Putrajaya hari ini. Kenyataannya disiarkan oleh umno.online iaitu laman web rasmi Umno.

Kelab Maya Umno berfungsi sebagai moderator dan pencipta laman web yang pro-Umno dan kerajaan.

Dr Mahathir memberi contoh bagaimana Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dilantik sebagai menteri dan Datuk Dr

“

Kita boleh berjuang dalam parti yang tidak semestinya jadi calon atau pemimpin.

”

– Dr Mahathir Mohamad

Mohamad Khir Toyo dilantik Menteri Besar Selangor tanpa berebut untuk jawatan itu.

Katanya, ahli Umno perlu membentuk semula kesedaran supaya jangan terlalu mementingkan jawatan dalam parti kalau benar-benar mahu berjuang.

“Ada ahli Umno yang mahu jadi calon sahaja supaya dapat berjuang. Sebenarnya, kita boleh berjuang dalam parti tanpa menjadi calon. Sekarang kita perlu menunjukkan kesedaran kepada ahli mengenai perkara ini dalam usaha memberi semangat serta menyemai komitmen tinggi kepada parti.

“Generasi saya tidak lama lagi akan pergi dan golongan muda yang ber-tenaga akan meneruskannya (perjuangan). Orang Melayu perlu teruskan perjuangan kerana pencapaian dan kemajuan kita belum cukup tinggi,” katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak yakin dengan keupayaan Pas dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) untuk memerintah kerana parti pembangkang itu tidak

akan menandingi prestasi Umno.

“Saya sudah kaji, mereka tidak ada kemampuan untuk memerintah. Oleh itu, Umno perlu meneruskan kuasa supaya prinsip dan tamaddun Melayu terus kekal,” katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak harus percaya kata-kata pembangkang kononnya mana-mana parti yang memerintah adalah sama sahaja.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan pimpinan Umno sudah terbukti berkemampuan mentadbir negara sehingga berjaya memulihkan ekonomi tanpa perlu meminta bantuan asing.

Beliau sedih kerana ada pihak mendakwa kononnya memang sudah menjadi nasib orang Islam di dunia ini untuk ditindas, dibunuh selain hanya memberi tumpuan untuk dunia akhirat.

“Selama 43 tahun kita sudah merdeka dan banyak kemajuan dicapai. Jika kita duduk melentang macam kura-kura, bergaduh, bakar sana, bakar sini, demonstrasi dan merusuh, semua kesenangan yang kita nikmati hari ini boleh lenyap,” katanya.